# NORMA-NORMA BAHARU

## Merangkumi

- Individu dan keluarga di tempat dan kemudahan awam
- Syarikat / Operator/Pemilik Premis
- Penganjur Acara/ Majlis/ Program/ Persidangan/ Mesyuarat/ Bengkel/ Ceramah/ Kursus/ Majlis Sosial
- Peniaga Kecil dan Sederhana

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Aktiviti seperti senarai di dalam Jadual Aktiviti Terlarang, Perintah Pencegahan & Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengiisytiharaan Kawasan Tempatan Jangkitan) yang berkuatkuasa

## Arahan Tetap

- Garis Panduan Kementerian dan Agensi
- Arahan Pihak Berkuasa Tempatan
- Peraturan 10 P.U.(A) 254/2020 Akta 342
- Undang-undang lain yang berkuat kuasa

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| BIL | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS |
|---|---|---|
| 1. | Penjarakan Fizikal (*Physical Distancing)* | • Melaksanakan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter antara individu mengikut keluasan sesuatu kawasan/ premis/ bangunan.<br>• Tidak bersentuhan dengan orang lain seperti bersalaman.<br>• Elakkan berada di tempat orang ramai dan sesak.<br>• Sebarang bentuk perhimpunan awam perlu dikawal dengan mengelakkan 3S (Sesak, Sempit dan Sembang dengan jarak yang dekat). |
| 2. | Pemakaian Pelitup Muka (*Face Mask*) | • Diwajibkan memakai pelitup muka apabila bergejala seperti batuk, selesema atau sakit tekak.<br>• Diwajibkan memakai pelitup muka apabila berada di tempat dan kemudahan awam seperti yang ditetapkan dalam SOP-SOP yang berkuat kuasa.<br>• Pemakaian pelitup muka juga adalah perlu bagi apa-apa aktiviti lain yang melibatkan pertemuan secara bersemuka. |
| 3. | Membasuh Tangan | Kerap mencuci tangan dengan menggunakan sabun dan air atau *hand sanitizer.* |
| 4. | Perjalanan ke Luar Negara | Patuhi arahan dan nasihat Kerajaan berkaitan perjalanan ke luar negara. |
| 5. | Aktiviti Sukan, Riadah dan Rekreasi, Keagamaan, Sosial, Kebudayaan, Pendidikan, Pelancongan, Ekonomi, Pengangkutan dan Pertanian | Mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian dan Agensi berkaitan. |
| 6. | Aktiviti Jual Beli<br>• Perniagaan Berpremis/ Penjajaan Tanpa Premis/ Pasar Berbangunan/ Pasar Tanpa Premis/ Peruncitan/ Serbaneka Makanan & Minuman<br>• Perkhidmatan | • Mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian dan Agensi berkaitan.<br>• Digalakkan transaksi jual beli secara atas talian (*online*). |

# NORMA-NORMA BAHARU

## Merangkumi

- Individu dan keluarga di tempat dan kemudahan awam
- Syarikat / Operator/Pemilik Premis
- Penganjur Acara/ Majlis/ Program/ Persidangan/ Mesyuarat/ Bengkel/ Ceramah/ Kursus/ Majlis Sosial
- Peniaga Kecil dan Sederhana

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Aktiviti seperti senarai di dalam Jadual Aktiviti Terlarang, Perintah Pencegahan & Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengiisytiharaan Kawasan Tempatan Jangkitan) yang berkuatkuasa

## Arahan Tetap

- Garis Panduan Kementerian dan Agensi
- Arahan Pihak Berkuasa Tempatan
- Peraturan 10 P.U.(A) 254/2020 Akta 342
- Undang-undang lain yang berkuat kuasa

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| BIL | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS |
|---|---|---|
| 7. | Nasihat Kesihatan | • Sekiranya demam atau mengalami batuk, sakit tekak, selesema atau sesak nafas, dapatkan rawatan di hospital atau klinik berhampiran.<br>• Kanak-kanak dan warga emas tidak digalakkan berada di tempat dan kemudahan awam kecuali atas keperluan penting sahaja.<br>• Mengamalkan 3W (*Wash, Warn & Wear*).<br>• Menjalani saringan suhu badan sebelum memasuki premis. Suhu badan 37.5 darjah Celcius dan ke atas adalah **TIDAK DIBENARKAN** memasuki premis. |
| 8. | Penggunaan Aplikasi MySejahtera | • Mana-mana individu digalakkan untuk menggunakan aplikasi MySejahtera bagi tujuan mendapatkan maklumat kesihatan berkaitan COVID-19 dan membantu kerajaan dalam membendung penularan COVID-19.<br>• Pemilik premis /operator premis/ syarikat / peniaga wajib memuat turun dan mendaftar dalam aplikasi MySejahtera.<br>• Mencatatkan nama dan nombor telefon sebelum memasuki premis jika tidak menggunakan aplikasi MySejahtera. |